

# UMS terbukti IPT terulung: Shafie

UB 26.11.2019 2

## Berjaya melahirkan masyarakat berilmu di Sabah sejak 25 tahun lalu

Oleh Amir Anuar

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) terbukti sebagai institusi pengajian tinggi (IPT) terulung di negeri ini melahirkan masyarakat berilmu.

Ketua Menteri merangkap Pro Canselor Datuk Seri Panglima Mohd Shafie Apdal berkata UMS memainkan peranan penting itu semenjak berwujud 25 tahun lalu.

“Saya amat menghargai sumbangan UMS termasuk penyarah dan pelajar-pelajarnya, malah kita dapat melihat keupayaan serta keyakinan diri terus meningkat saban tahun.

“Saya lihat ini satu kejayaan dan semenjak UMS diwujudkan sehingga sekarang, sudah ramai pelajar luar negara yang turut menjadikan IPT ini sebagai pilihan mereka,” katanya.

Shafie berkata demikian kepada pemberita pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Konvokesyen UMS ke-21 di Dewan Canselor UMS di sini, semalam.

Mengulas lanjut, trend itu disifatkannya menggalakkan dan optimis jika promosi dibuat di dalam dan luar negara, lebih ramai lagi pelajar akan melanjutkan pengajian di UMS.

“Perkara yang penting adalah UMS selaku sebuah IPT perlu beradaptasi den-



**BANGGA:** Shafie menyerahkan ijazah kepada salah seorang graduan sempena Konvokesyen UMS Ke-21 di Dewan Canselor UMS.

gan perubahan persekitaran yang ada termasuklah melalui penggunaan teknologi terkini.

“Saya yakin dengan keupayaan kita, UMS sebagai satu universiti yang terkenal di dunia perlu memanfaatkan kelebihan-kelebihan yang ada, misalnya dalam bidang marin.

“Masih banyak yang perlu kita lakukan untuk menjadikan UMS muncul sebagai IPT yang menjadi pilihan ramai bukan sahaja di dalam negara tetapi juga luar negara,” katanya.

Menurutnya, UMS juga perlu terlibat sama dalam revolusi industri 4.0 dan seiring dengan dasar kerajaan untuk mewujudkan hubungan kerjasama dengan pemain-pemain industri.

Beliau berkata cabaran juga untuk memastikan hubungan antara UMS dengan kerajaan

sentiasa terjalin baik, khususnya dengan Kementerian Pelajaran dan Inovasi Sabah.

“Sabah sebagai sebuah negeri yang begitu luas memerlukan masa dan kewangan yang besar, untuk membangunkan sistem pendidikan (dalam semua peringkat).

“Namun, kerajaan sedia membantukhususnya menerusi penyediaan fasiliti yang diperlukan oleh IPT tetapi kita juga perlu seiring dengan dasar kerajaan hari ini.

“Dalam Belanjawan Negeri yang saya bantangkan, kita juga memberikan perhatian kepada graduan walaupun terbatas dalam usaha membentuk graduan berdikari,” katanya.

Menyentuh hal berkaitan, kerajaan menyedari cabaran yang perlu dihadapi berkaitan isu graduan menganggur namun berharap usaha lebih

efektif dalam dilaksanakan oleh IPT.

“Kita mahu graduan bukan hanya mencari kerja (sesuai kelulusan) tetapi boleh menjalankan perniagaan sehingga menawarkan pekerjaan kepada orang lain.

“Saya juga sudah meminta syarikat-syarikat carigali minyak di Sabah seperti Shell dan Petronas supaya menawarkan peluang pekerjaan dan cuba menggaji graduan tempatan.

“Alhamdulillah, UMS di bawah pengurusan baharu (Naib Canselor Dr Taufiq Yap Yun Hin) mempunyai hubungan kerjasama yang rapat dengan Kerajaan Negeri.

“Saya percaya hubungan ini boleh ditingkatkan dalam usaha kita mencari kaedah terbaik membantu anak-anak Sabah supaya mempunyai pekerjaan selepas tamat pengajian,” katanya.